

# Boleh tuntutan insentif latihan keibubapaan

**Serdang:** Kemahiran keibubapaan kini disenaraikan dalam bidang latihan yang boleh dituntut kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF), sama ada oleh majikan atau pekerja mengikut kesesuaian, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sejak 9 Julai lalu, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dilantik sebagai penyedia latihan keibubapaan berdaftar kepada majikan sektor swasta untuk tempoh tiga tahun.

Beliau berkata, kursus itu bertujuan meningkatkan kemahiran keibubapaan dalam kalangan pekerja swasta, terutama bagi mendepani cabaran dunia siber yang turut memberi kesan kepada anak.

"Tahun ini HRDF bersetuju membiayai 500 pekerja swasta untuk menghadiri kursus keibubapaan anjuran LPPKN membabitkan nilai pembiayaan RM62,500. Ini adalah projek rintis yang layak ditawarkan kepada syarikat berdaftar dengan HRDF sahaja.

"Pembiayaan HRDF adalah menerusi pemberian insentif yuran latihan kepada majikan berdaftar dengannya, membabitkan hampir 27,000 syarikat. Langkah ini diharapkan dapat memperkukuh institusi kekeluargaan di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan forum 'Keibubapaan Kreatif Mendepani Cabaran Alaf Baharu' sempena sambutan Hari Ibu Bapa Peringkat Kebangsaan 2019 di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, berharap susulan pengiktirafan Kementerian Sumber Manusia itu, insentif terbabit akan menggalakkan lebih ramai majikan swasta

bekerjasama dengan memberikan kelonggaran kepada pekerja mengikuti kursus disediakan.

Sementara itu, katanya, sehingga Mac lalu, LPPKN menganjurkan 21,561 program pendidikan kekeluargaan disertai 2.7 juta peserta, iaitu antara usaha kerajaan untuk negara mencapai sasaran indeks kesejahteraan keluarga melepasi skor 8.00 menjelang 2020.

Beliau turut mengingatkan pasangan suami isteri, terutama kedua-duanya bekerja supaya berbincang mengenai cara menguruskan keluarga bagi mengelakkan hanya satu pihak terbeban menggalas tanggungjawab itu.

"Pada pandangan saya, keluarga sebegini cenderung untuk menghadapi masalah dalam pengurusan penjagaan anak dan keluarga serta pembahagian masa di antara kerja dan kehidupan berkeluarga. Berbincanglah dengan baik bersama pasangan masing-masing.

"Kita mesti sama-sama berusaha mendidik dan meluangkan masa dengan anak-anak bagi memastikan institusi keluarga kekal utuh dan berfungsi dalam melahirkan generasi masa depan yang cemerlang," katanya.



**Pembiayaan HRDF adalah menerusi pemberian insentif yuran latihan kepada majikan berdaftar dengannya, membabitkan hampir 27,000 syarikat.**

**Dr Wan Azizah Wan Ismail,**  
Timbalan Perdana Menteri